

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]**

**TARIKH : 14 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan pihak Kementerian dalam kesediaan pelaksanaan teknologi jalur 5G.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Petugas Khas 5G Negara telah ditubuhkan pada bulan November 2018 yang lalu. Pasukan Petugas Khas 5G Negara terdiri daripada empat kumpulan kerja iaitu Kumpulan Kerja Perkara Bisnes, Kumpulan Kerja Infrastruktur, Kumpulan Kerja Pengurusan dan Peruntukan Spektrum dan yang terakhir Kumpulan Kerja Kawalselia
2. Kumpulan-Kumpulan Kerja ini yang terdiri daripada wakil sektor awam dan swasta telah ditugaskan untuk mengkaji strategi pelaksanaan 5G yang holistik dengan analisis daripada perspektif yang memfokuskan kepada cadangan penyelesaian kepada kekangan undang-undang dan kerangka kawalselia yang berkaitan, sokongan untuk infrastruktur, cadangan pelan ketersediaan sumber spektrum dan langkah-langkah untuk perlindungan pengguna.
3. Kini, Pasukan Petugas Khas 5G Negara berada dalam fasa terakhir iaitu melengkapkan laporan sebelum diserahkan kepada Kerajaan di dalam suku keempat 2019.

## SOALAN NO : 1

4. Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) seterusnya akan mengkaji laporan terbabit sebelum dibawa ke Kabinet untuk membolehkan pelaksanaan perkhidmatan 5G berada pada tahap yang terbaik.
5. Selain daripada itu, Kementerian juga membuat sesi libat urus pada bulan Jun 2019 yang lepas dengan menjemput semua Kementerian, agensi Kerajaan serta pihak swasta berkaitan seperti Malaysia Productivity Corporation, SME Corporation Malaysia, dan lain lain bagi mengenalpasti keperluan, selain cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan di dalam melaksanakan teknologi dan ekosistem 5G di peringkat Kerajaan.
6. Pada 30 September 2019 baru-baru ini, pihak Kementerian melalui SKMM telah mengumumkan Pelaksanaan Projek Demonstrasi 5G Malaysia (5GDP) dalam satu majlis taklimat kepada media bertempat di Ibu Pejabat SKMM, Cyberjaya. Projek ini bertujuan untuk memudah cara, membina dan memupuk pembangunan kes-kes penggunaan 5G (5G use cases), dengan izin, yang berpotensi di dalam persekitaran sebenar dan konteks yang lebih luas untuk mengembangkan ekosistem 5G.
7. Projek Demonstrasi 5G Malaysia akan dilaksanakan selama enam (6) bulan bermula dari bulan Oktober 2019 sehingga Mac 2020 oleh lapan (8) buah syarikat yang akan membangunkan 55 kes-kes penggunaan 5G di enam (6) negeri iaitu Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes penggunaan 5G ini meliputi sembilan (9) vertikal iaitu Bandar Pintar, Hiburan/Media, Pendidikan, Penjagaan Kesihatan Digital, Minyak dan Gas, Pembuatan dan Industri Pemprosesan, Pengangkutan Pintar, Pertanian dan Pelancongan.
8. Projek Demonstrasi 5G Malaysia yang dilaksanakan ini juga merupakan langkah kesediaan negara bagi pelaksanaan teknologi 5G dimasa terdekat ini. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam Projek Demonstrasi 5G Malaysia antaranya adalah Altel Communications Sdn Bhd, Celcom Axiata Bhd, Digi Telecommunications Sdn Bhd, edotco Malaysia Sdn Bhd, Maxis Bhd, Telekom Malaysia Bhd, U Mobile Sdn Bhd dan Petrolia Nasional Bhd.